



## **GARIS PANDUAN BAGI MEMBUAT PERUBAHAN MATERIAL DALAM PENGGUNAAN BANGUNAN DARIPADA KEDIAMAN/ PERNIAGAAN KEPADA TADIKA SEMENTARA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Disediakan Oleh :-  
Jabatan Perancangan Pembangunan  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Tingkat 2, Ibupejabat MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin,  
46675 Petaling Jaya.

Telefon : 03-79563544 Samb. 128  
Faxs : 03-79588392

Diluluskan Pada : 06/12/2012

## **GARIS PANDUAN TADIKA**

### **i. Definisi**

#### **a. Tadika**

- (i) Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Tadika didefinisikan sebagai mana-mana tempat pendidikan prasekolah (4 hingga 6 tahun) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih.
- (ii) Tadika turut merangkumi Tabika, Pra Sekolah dan Tadika Islam.
- (iii) Menurut Garispanduan Pengendalian Kanak-Kanak Di Taska dan Pra Sekolah, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan 2007, Taman Bimbingan Kanak-Kanak atau TABIKA merupakan pendidikan pra sekolah yang disediakan bagi murid berumur 4 tahun hingga 6 tahun yang dikendalikan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
- (iv) Manakala Pra Sekolah pula merupakan pusat pendidikan awal yang terletak dalam kawasan sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran.
- (v) Menurut Enakmen Pengawalan Sekolah Agama Islam 1988, sekolah Islam termasuk tadika merupakan mana-mana Sekolah Agama Islam di dalam Negeri tetapi tidak termasuk mana-mana sekolah agama Islam yang berada di bawah kawalan Kementerian Pelajaran, di mana 20 orang atau lebih ada didaftarkan untuk mempelajari atau akan diajari mata-mata pelajaran yang termasuklah mana-mana mata pelajaran yang berhubungan dengan agama Islam. Dikawal selia oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Di Selangor, tadika Islam ini dikenali sebagai Pra Sekolah JAIS.

### **ii. Nisbah Penyediaan Tadika Mengikut Bilangan Unit Kediaman/ Penduduk**

- (i) Satu (1) Tadika : 500 unit kediaman/ 2,500 orang penduduk.
- (ii) Majlis dari masa ke semasa boleh menetapkan jumlah bilangan tadika di sesuatu kawasan kejiranan mengambilkira bilangan dan struktur umur penduduk.

### **iii. Premis Yang Dibenarkan**

- a. Tadika boleh dijalankan mengikut keperluan masyarakat setempat di premis seperti berikut;—
  - (i) Rumah sesebuah
  - (ii) Rumah berkembar
  - (iii) Rumah teres lot tepi (*corner lot*)
    - (a) Rumah teres di lot tengah (*intermediate lot*) dan lot tepi (*end lot*) tidak dibenarkan.
    - (b) Rumah teres bersebelahan dengan lot tepi (*corner lot*) yang telah diusahakan oleh pengusaha dan jenis aktiviti yang sama sahaja (tadika) juga boleh diberi pertimbangan.
- b. Rumah pangsa, pangsapuri, kondominium dan service apartment di tingkat bawah (*ground floor*)
  - (i) Rumah pangsa, pangsapuri, kondominium dan service apartment jenis bertiang disyaratkan didirikan dinding dan mempunyai keluasan lantai yang mencukupi.
  - (ii) Sekiranya aras bawah (*ground floor*) digunakan untuk tempat letak kereta, tadika di aras pertama boleh diberi pertimbangan dengan syarat memenuhi keperluan penyediaaan 2 laluan kecemasan dan mematuhi syarat-syarat keselamatan oleh Jabatan Bomba.
  - (iii) Pemohon hendaklah mendapatkan sokongan/ persetujuan daripada JMB secara bertulis terlebih dahulu.
  - (iv) Aktiviti tadika yang dijalankan di rumah pangsa/ pangsapuri/ kondominium hanya bagi kemudahan penduduk setempat sahaja.
- c. Rumah kedai/ kedai pejabat/ bangunan perniagaan di tingkat bawah (*ground floor*)
  - (i) Tadika di aras pertama rumah kedai/ kedai pejabat boleh diberi pertimbangan dengan syarat memenuhi keperluan penyediaaan 2 laluan kecemasan di dalam bangunan dan mematuhi syarat-syarat keselamatan oleh Jabatan Bomba.

- (ii) Hanya bangunan yang mempunyai 2 laluan kecemasan di dalam bangunan sahaja yang boleh dibenarkan untuk menjalankan aktiviti tadika.
  - (iii) Di kawasan institusi seperti sekolah, masjid, surau atau lain-lain rumah ibadat dengan syarat disediakan di bangunan yang berasingan dan berpagar.
  - (iv) Tanah yang dikhaskan/ dirizabkan untuk kegunaan Tadika
- d. Aktiviti tadika tidak dibenarkan dijalankan bersekali di bangunan yang sama.
- e. Tapak tadika tidak dibenarkan di kawasan berpaya, berbukit dan bercerun curam serta kawasan berisiko bencana seperti hakisan, tanah runtuh serta banjir berdekatan laluan talian elektrik dan kawasan industri atau kilang berisiko tinggi.

**iv. Lokasi**

- a. Perletakan tadika hendaklah dalam lingkungan 400 meter jarak berjalan kaki bagi sesuatu kawasan perumahan.
- b. Tidak terletak di persimpangan atau berhampiran lebuhraya dan jalan-jalan utama yang sesak dan sibuk dengan kenderaan/ lalulintas.
- c. Jauh dari persimpangan dan tidak menganggu trafik pada waktu puncak.
- d. Jalan keluar masuk sekurang-kurangnya 10 meter (33 kaki) dari simpang utama.
- e. Keutamaan akan diberikan kepada lokasi yang berhampiran dengan kawasan lapang/ permainan awam.
- f. Tiada halangan dari jiran berkaitan dengan bunyi bising dan kesesakan lalulintas.

**v. Jarak Antara Premis**

- a. Jarak antara satu premis tadika dengan yang lain hendaklah lebih 200 meter.

vi. **Keluasan Lantai Minimum**

a. **Tadika**

- (i) Keluasan ruang lantai minimum bagi aktiviti tadika adalah seperti jadual berikut;

Perkara	Komponen	keluasan (kp/mp)
Keluasan ruang lantai minimum	Keluasan per kanak-kanak : 15kp (1.4mp) x 25 orang	275 kp (35 mp)
	Dapur	48 kp (4.5 mp)
	Tandas	65 kp (6 mp)
	Bilik kakitangan	218 kp (20 mp)
	Stor	70 kp (6.5 mp)
	Laluan	210 kp (20 mp)
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>986 kp (92 mp)</b>
Kawasan lapang/ruang permainan dan TLK	Kawasan lapang/ ruang permainan	538 kp (50 mp)
	2 TLK x 130 kp (12 mp) (2.4m x 4.8m)	260 kp (24 mp)
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>800 kp (74 mp)</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,786 kp (166 mp)</b>

Nota:-

- (a) Keperluan keluasan minima 1.4mp (15kp) bagi setiap kanak-kanak.
- (b) Anggaran maksimum 25 kanak-kanak per kelas.
- (c) Keperluan TLK dan kawasan lapang adalah mengikut Garispanduan TLK JPBD SM.
- (d) 1 tandas setiap 10 orang kanak-kanak.

vii. **Kegunaan Ruang**

a. **Kemudahan Belajar dan Bermain**

- (i) Ruang berasingan hendaklah disediakan untuk kanak-kanak belajar dan bermain.
- (ii) Sediakan ruang untuk perpustakaan.

- (iii) Sediakan kawasan permainan yang lengkap dengan alat-alat permainan yang tidak merbahaya (di luar bangunan).
- (iv) Sediakan tempat simpanan khusus untuk barang permainan.
- (v) Bagi yang beroperasi di kompleks atau lot-lot perniagaan, keperluan ruang permainan hendaklah disediakan bagi menggantikan kawasan lapang.

**b. Bilik/ Ruang Isolasi**

- (i) Ruang berasingan (“sick bay”) hendaklah disediakan bagi kanak-kanak yang kurang sihat/ sakit.
- (ii) Sediakan kotak perubatan kecemasan.

**c. Dapur/ Stor**

- (i) Ruang dapur hendaklah mempunyai pintu yang tidak mudah dibuka dan dimasuki oleh kanak-kanak.
- (ii) Alat-alat yang digunakan untuk menyediakan makanan hendaklah bersih.
- (iii) Dapur hendaklah terpisah daripada bilik-bilik darjah atau kawasan yang diasingkan untuk aktiviti kanak-kanak.
- (iv) Tempat stor bahan-bahan makanan mestilah bersih dan selamat.
- (v) Peralatan tajam disimpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.
- (vi) Menyediakan ruang khusus untuk penyediaan susu/ makanan.
- (vii) Menyediakan stor/ tempat penyimpanan bahan makanan kering dan selamat (bebas dari lipas, tikus dan lalat).
- (viii) Kanak-kanak mestilah dilarang masuk ke ruang dapur dan stor setiap masa.

**d. Tandas**

- (i) Satu (1) tandas bagi setiap 10 orang kanak-kanak.
- (ii) Tandas bagi murid-murid lelaki dan perempuan hendaklah berasingan (tertakluk pada keadaan bangunan).
- (iii) Dikehendaki menjaga kebersihan tandas dan perlu menyediakan “elbow tap”.
- (iv) Lantai tandas hendaklah sentiasa bersih, material dari bahan yang tidak licin dan air tidak bertakung.
- (v) Sediakan tempat pemegang (“railing”) untuk kanak-kanak cacat.
- (vi) Mangkuk tandas tidak melebihi 0.15 meter (6 inci) tinggi dari paras lantai.
- (vii) Besin mencuci tangan hendaklah rendah.
- (viii) Menyediakan tempat membuang lampin pakai buang/ tong sampah bertutup dan berplastik di dalam tandas.
- (ix) Menyediakan fasiliti sanitasi (sabun/ tisu/ tuala dll.)
- (x) Menyediakan jadual pembersihan tandas.

**e. Tempat Letak Kereta**

- (i) 1 petak TLK / 3 kakitangan
- (ii) 1 petak TLK / 10 pelajar

**f. Lain-Lain**

- (i) Pagar di sekeliling kawasan
- (ii) Papan tanda nama dan alamat bangunan
- (iii) Tiang bendera minima 3 bendera (Malaysia, Selangor dan Sekolah)

viii. **Nisbah Guru/ Pengasuh Dan Kanak-Kanak**

- a. Keperluan nisbah guru bagi kanak-kanak tadika ialah 1 orang guru dan 1 orang pembantu pengurusan murid bagi setiap 25 orang murid.
- b. Keperluan sebenar nisbah guru/ pengasuh bagi kanak-kanak tadika akan ditentukan oleh Jabatan Pendidikan.
- c. Jumlah keseluruhan bilangan kanak-kanak, guru, pengasuh dan pembantu pengurusan hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di mana;-

*“...ses sebuah rumah hendaklah disifatkan sebagai sebegitu sesak hingga mendatangkan bahaya atau mudarat kepada kesihatan penduduknya jika rumah itu atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih dari kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap 350 kaki padu luang dalam bersih dan dalam pengiraan itu tiap-tiap orang berumur lebih dari 10 tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa dan 2 orang kanak-kanak berumur tidak lebih daripada 10 tahun hendaklah dikira sebagai orang dewasa”.*

ix. **Pencahayaan Dan Pengudaraan Semula Jadi**

- a. Rekabentuk bangunan tadika perlu mengambil kira aspek pencahayaan dan pengudaraan semula jadi mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan juga kehendak-kehendak Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba.
- b. Tiap-tiap bilik yang direkabentuk sebagai kelas hendaklah dilengkapkan dengan pencahayaan dan pengudaraan semulajadi melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai jumlah keluasan tidak kurang daripada 20% daripada keluasan lepa lantai bilik.
- c. Ianya juga hendaklah mempunyai ruang buka yang boleh memberarkan laluan udara secara bebas dan tidak terganggu, yang tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lega lantai itu.

x. **Keselamatan**

- a. Mengadakan 2 laluan kecemasan.
- b. Mengadakan lampu tanda KELUAR kecemasan yang menggunakan kuasa tersendiri (*self-contained emergency light*) atau 2 kuasa karan pada laluan jalan keluar.

- c. Lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- d. Lorong-lorong dan laluan yang menghala ke jalan keluar / tangga keselamatan hendaklah bebas dari halangan.
- e. Tangga hendaklah selamat untuk kegunaan kanak-kanak dengan memasang permaidani atau bahan lembut bagi tangga kayu dan konkrit yang menuju ke tingkat atas.
- f. Tangga juga hendaklah dipasang dengan pagar (“*railing*”) yang tingginya sesuai dengan ketinggian kanak-kanak.
- g. Pemasangan “*grills*”/ jeriji pada tingkap dan pintu bagi tingkap bawah hendaklah dari jenis yang boleh dan mudah dibuka dari luar atau dalam.
- h. Pemasangan “*grills*”/ jeriji pada tingkap dan pintu bagi tingkat atas adalah tidak dibenarkan.
- i. Pintu pagar dan “*grills*” tingkat bawah hendaklah dari jenis yang tidak tajam dan merbahaya.
- j. Tingkap jenis “*louvers*” tidak dibenarkan.
- k. Semua punca kuasa (“*power point*”) hendaklah dipasang dengan “*plug*” kosong dan berkedudukan di paras yang tinggi.
- l. Menyediakan alat pemadam api jenis debu kering yang mencukupi.
- m. Mematuhi lain-lain aspek keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

xi. **Kesihatan**

- a. Semua pengusaha/ pengasuh/ guru/ penyelia hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat (TB/ HIV/ penyakit berjangkit/ tiada masalah kesihatan mental).
- b. Semua pengusaha/ pengasuh/ guru/ penyelia hendaklah mengambil pelalian penyakit demam kepialu (Typhoid).
- c. Semua pengusaha/ pengasuh/ guru/ penyelia hendaklah menjalani kursus latihan pengendalian makan (LPM).

- d. Meletakkan papan tanda DILARANG MEROKOK di pintu pagar masuk.
- e. Kawasan luar dan dalam premis berada di dalam keadaan bersih dan bebas daripada lipas, tikus, lalat dan nyamuk.
- f. Mematuhi lain-lain aspek keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan.